

07/12/1998

Hindari budaya cincai jika ingin kemajuan

MENJALANKAN kerja tidak bersungguh-sungguh atau 'cincai', melambangkan disiplin dan sikap negatif individu. Individu seperti ini sukar memajukan diri dan biasanya mereka adalah golongan yang tidak boleh diharap untuk menjalankan sesuatu tugas dengan berkesan. Sikap seperti ini sinonim dengan pemalas.

Di negara mundur, salah satu punca negara itu tidak dapat meningkatkan ekonominya ialah disebabkan sikap rakyat mereka yang tidak menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh dan malas. Masa mereka hanya dihabiskan untuk berehat atau tidur. Mereka sering memberi alasan sama ada keadaan cuaca atau faktor ekonomi lain. Hakikatnya, sekiranya mereka menanamkan sikap untuk maju, semua masalah akan dapat diatasi.

Biasanya, apa saja tugas yang dipertanggungjawabkan kepada golongan cincai ini tidak akan memuaskan hati. Jika bekerja makan gaji, mereka tidak akan disenangi majikan. Oleh itu, golongan seperti ini tidak dapat memajukan diri kerana peluang untuk mereka meningkat ke tahap yang lebih tinggi sering dipertikaikan. Jika bekerja sendiri, pelanggan akan lari, kemungkinan disebabkan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan atau mutu barangan yang dijual.

Jika mereka petani pula, ada kemungkinan tanah mereka terbiar dan jika ada hasil pun, ia hanyalah ibarat hidup segan mati tak mahu. Tentunya hasil yang mereka perolehi jauh lebih rendah daripada mereka yang mengusaha tanah mereka dengan bersungguh-sungguh. Perbandingan seperti ini boleh dilihat di negara ini sendiri.

Malah, orang seperti ini bukan saja tidak disenangi oleh kawan-kawan, tetapi juga oleh keluarga mereka sendiri. Ini kerana walau ringan macam mana sekali pun kerja yang diberikan, mereka tidak akan dapat menyudahkannya dengan memuaskan. Biasanya individu seperti ini mengamalkan prinsip 'asalkan siap, sudah memadai'. Mereka tidak mengambil kira soal kesempurnaan sesuatu tugas, mutu dan pelbagai perkara positif yang lain.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya mengikis sikap melakukan kerja sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh kerana ia boleh menjejaskan apa juga kerja yang dilakukan. Sikap seperti itu memang wujud dalam mana-mana masyarakat. Diharapkan ia tidak meluas di kalangan masyarakat Malaysia. Dalam keadaan hari ini yang memerlukan komitmen setiap rakyat tanpa mengira apakah fungsi mereka, adalah dibimbangkan negara ini tidak boleh mencapai kemajuan jika rakyatnya hanya menjalankan kerja sambil lewa.

Hari ini kita memerlukan rakyat yang bekerja dengan penuh disiplin, meningkatkan produktiviti, menggunakan teknologi dan mematuhi pelbagai standard yang ditetapkan. Jika masih mengikut amalan tradisi dan sikap negatif, rakyat bukan tidak dapat memajukan negara, malah diri dan keluarga mereka sendiri juga akan terus mundur. Manusia seperti ini tidak akan dapat meningkatkan kemajuan atau kerjayanya.

Sikap sambil lewa bukan saja terbatas kepada sesuatu bidang tugas. Ia turut membabit apa juga bidang yang diceburi. Dalam bidang sukan pula, golongan yang mengambil sikap cincai, tidak akan dapat meningkatkan prestasi mereka dan tidak akan ke mana-mana. Mereka adalah golongan yang lemah semangat. Jika ia membabitkan hobi, sikap seperti ini tidak ubah seperti 'hangat-hangat tahi ayam'. Mereka hanya bersemangat buat seketika, tetapi setelah bosan, segala yang dicita-citakan sekali pun akan terbengkalai.

Kebelakangan ini, sikap negatif segelintir rakyat menjalar satu demi satu dan kian menjadi kebimbangan. Kerajaan terpaksa mengambil daya usaha untuk mengingatkan rakyat supaya memupuk semula amalan yang murni. Sebagai contoh, kerajaan terpaksa mengadakan kempen masyarakat penyayang kerana wujud tanda-tanda bahawa amalan murni itu diketepikan.

Kerajaan juga sering mengingatkan rakyat supaya tidak mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri kerana ia tidak sesuai dengan nilai dan budaya rakyat yang sering digalakkan bantu membantu. Bagi golongan remaja, pelbagai bentuk pembaziran masa termasuk melepak, menagih dadah dan pergaulan bebas berlaku, ibarat sudah menjadi penyakit. Kebelakangan ini pula sudah ada unsur-unsur untuk membelakangkan undang-undang kononnya atas nama perjuangan. Bagi kita, semua amalan yang tidak sihat ini bermula daripada fikiran yang tidak sihat. Bagi rakyat yang berfikir, mereka tidak akan melakukan perbuatan yang boleh menyusahkan diri sendiri, orang lain atau kerajaan.

(END)